



INTERNATIONAL RESEARCH JOURNAL OF SHARIAH, MUAMALAT AND ISLAM (IRJSMI)

www.irjsmi.com



KONSEP DAN FALSAFAH SASTERA ISLAM MENGIKUT MUHAMMAD QUTB

THE CONCEPT AND THE PHILOSOPHY OF ISLAMIC LITERATURE ACCORDING TO MUHAMMAD QUTB

Adli Yaacob¹, Siti Hajar Ramli²

¹ Profesor Madya di Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Universiti Islam Antarabangsa

Email: adlihy@iium.edu.my

² Pelajar MA di Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Universiti Islam Antarabangsa

Article Info:

Article history:

Received date: 25.10.2021

Revised date: 15.11.2021

Accepted date: 10.12.2021

Published date: 31.12.2021

To cite this document:

Yaacob, A., & Ramli, S. H. (2021). Konsep Dan Falsafah Sastera Islam Mengikut Muhammad Qutb. *International Research of Shariah, Muamalat and Islam*, 3 (9), 33-44.

DOI: 10.35631/IRJSMI.39005.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Muhammad Qutb adalah seorang penulis dan pemikir Islam. Beliau percaya bahawa seni Islam tidak semestinya seni yang membicarakan tentang Islam. Sastera Islam bukanlah nasihat dan khutbah secara langsung dan desakan dalam mengikuti kebaikan. Ia adalah seni yang melukis imej kewujudan dari perspektif persepsi (tasawwur) Islam bagi segala yang wujud. Ia merupakan ungkapan yang indah tentang alam semesta, kehidupan dan manusia, melalui tasawwur Islam terhadapnya. Seni Islam adalah seni yang menemukan pertembungan yang sempurna antara keindahan (al-Jamal) dan kebenaran (al-Haq). Al-Jamal adalah realiti alam ini, dan kebenaran adalah puncak keindahan. Hubungan diantara seni dan Islam bukanlah hubungan keengganan dan permusuhan, dan ia bertentangan dengan segolongan yang menganggap bahawa agama mempunyai kaitan dengan kebenaran, dan seni hanya mengenai keindahan (al-Jamal). Dan juga golongan yang mengatakan bahawa agama hanya menumpukan kepada etika dan akhlak. Sebaliknya, seni Islam menolak semua kekangan terhadapnya termasuk kekangan moral dan akhlak. Agama pada hakikanya memenuhi keperluan jiwa dengan seni, dan seni bertemu dengan akidah pada jiwa yang dalam. Konsep Muhammad Qutb menyeru kepada idea adab yang sejagat (عالمية الأدب), dan iltizam pada seni yang berdasarkan pada teks sastera, dan berada dalam kerangka Islam. Al-Quran adalah sumber utama seni, dan ia menyajikan visi yang sempurna tentang alam, kehidupan dan manusia, termasuk tujuan seni itu sendiri. Seni Islam adalah diasakan dengan empat sifat iaitu kebenaran ilahi, alam semesta, kehidupan,

¹ Beliau merupakan Profesor Madya di Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Universiti Islam Antarabangsa.

² Beliau merupakan pelajar MA di Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Universiti Islam Antarabangsa.

dan manusia. Keempat-empat sifat ini adalah teras seni Islam, disamping tasawwur Islam tentang kewujudan yang menumpukan kepada realisme, keindahan, emosi manusia, takdir, dan kebenaran iman. Semua inilah yang menghidupkan seni dalam memberikan mesej dan ungkapan yang hidup yang memberi kesan kepada jiwa-jiwa manusia.

Kata Kunci:

Seni Islam, Keindahan (Al-Jamal), Adab Yang Sejagat, Tabiat Tasawwur Islam.

Abstract:

Muhammad Qutb was a writer and Islamic thinker. He believed that Islamic art (literature) is not necessarily the art of talking about Islam. Islamic art is not an advice, direct sermon, and insistence on the following goodness. It is an art that draws an image of existence from the perspective of perception (tasawwur) of Islam on everything that exists. It is a wonderful expression of the universe, life, and humanity, through the Islamic teachings of it. Islamic art is an art that finds the perfect interrelation between the beauty (al-Jamal) and the truth (al-Haq). Beauty refers to the reality of this nature, whilst the truth is the peak of beauty. The relationship between art and Islam is not a reluctance and hostility relationship. It is contrary to a group that assumes religion is related to truth, and art is only about beauty (al-Jamal). Many say that religion only focuses on ethics and morals. On the contrary, Islamic art rejects all constraints against it, including morals and attitude. Religion actually fulfilled the needs of the soul with art, and art meets the creed of the inner soul. The concept of Muhammad Qutb leads to the universal idea of literature (عالمية الأدب), and the commitment to art based on literary texts, and within the framework of Islam. The Quran is a major source of art, presenting a perfect vision of nature, life, and humanity, including the purpose of the arts itself. Islamic art is characterized by four attributes, namely divine truth, the universe, life, and humanity. These four attributes are the core of Islamic art, in addition to the Islamic teachings of existence that focus on realism, beauty, human emotion, destiny, and the truth of faith. All these are the things that turn the arts into giving life-packs and expressions that affect the souls of men.

Keywords:

Islamic Literature – Beauty – Universal Literature – Islamic Perspective (Tasawwur)

Pendahuluan

Muhammad Qutb³ adalah seorang penulis Islam Mesir. Beliau menghasilkan banyak karya tentang Islam dan ilmunya, di antaranya buku tentang seni Islam ‘Manhaj al-Fann al-Islami’.

³ Muhammad Qub Ibrahim, dilahirkan pada 26 April 1919, di kampung Musya, Asyut, Mesir. Ayahnya Ibrahim adalah seorang petani di kampung itu. Muhammad Qutb tidak menyambung pengajiannya di peringkat sekolah, tetapi beliau tetap memperolehi ilmu melalui minat membacanya. Beliau dianggap sebagai seorang yang berpengetahuan di kampungnya yang mengambil berat tentang urusan-urusan yang umum. Oleh itu, beliau mendapat kehormatan dan penghargaan kerana beliau dianggap daripada salah seorang yang mempunyai pandangan di kalangan mereka, tambahan pula, kedudukan keluarganya yang tinggi di kalangan orang kampung. Adapun ibunya, Fatimah Othman dilahirkan daripada keluarga asal arab yang cintakan ilmu, abangnya menuntut ilmu di al-Azhar dan mashur dengannya, seperti Ahmad Husain al-Musyi, yang berkebolehan dalam sastera dan penulisan yang merupakan seorang penyair. Dari sini, ibu Muhammad Qutb, Fatimah terkesan dengan abangnya, menjadikannya seorang yang sukakan ilmu dan pengetahuan. Hal ini membuatkan beliau membuat keputusan

Beliau merupakan adik lelaki Sayyid Qutb. Muhammad Qutb dianggap sebagai seorang yang berpengetahuan, pemikir, dan aktivis yang masyhur dengan gerakan Islam moden. Beliau adalah pemilik karya-karya yang penting dalam mengasaskan idea Islam moden mengikut pengetahuan Islam yang berbeza dengan pengetahuan barat. Beliau mengaitkan ideanya dengan realiti melalui beberapa karyanya yang cuba untuk mentafsirkan realiti mengikut pandangan Islam.

Muhammad Qutb mengungkapkan pada kitabnya *Manhaj al-Fann al-Islami* sastera (الأدب) sebagai seni (الفن). Tidak sempurna perbincangan tentang Muhammad Qutb jika tidak dibincangkan sudut sastera pada pandangan beliau, kerana boleh dikatakan bahawa dirinya dipenuhi dengan unsur sastera. Beliau ada sasterawan pada perasaan, sasterawan pada pemikiran dan falsafah, dan juga sasterawan pada kaedah yang diambilnya dalam menghasilkan sastera. Ini hasil daripada tumpuan Muhammad Qutb dalam sastera dan kepentingannya dalam menyampaikan mesej kepada pembaca dan pendengar, sehingga beliau merasakan bahawa ungkapan terhadap idea dengan ungkapan yang indah dan gambaran yang hidup adalah cara yang terbaik untuk menyampaikan dakwah kepada orang lain.

Muhammad Qutb berpandangan bahawa agama bertemu dengan hakikat jiwa ini melalui seni. Dan akidah bertemu dengan seni pada jiwa yang dalam. Sepertimana bertemu keduanya agama dan akidah pada alam yang wujud. Beliau menguatkan kata-katanya dengan mengatakan bahawa seni Islam tidak semestinya hanya membicarakan soal Islam. Seni Islam secara yakinnya bukan nasihat secara langsung dan bukan semata-mata tuntutan dalam melakukan kebaikan. Seni Islam bukanlah semata-mata hakikat yang lahir dari falsafah, tetapi seni Islam adalah seni yang melakarkan gambaran segala kewujudan daripada gambaran dan persepsi Islam terhadap kewujudan ini.⁴ (Qutb 1983, 6)

Seorang penyوال telah bertanya Muhammad Qutb mengenai sasterawan yang memberi perhatian dalam menyampaikan mesej dan ungkapan secara tidak langsung atau terancang. Maka beliau menjawab bahawa “sastera mempunyai ciri yang pelbagai, dan setiap ciri-ciri itu mempunyai kelebihan yang tersendiri. Ketika mana aku membicarakan tentang ungkapan terancang dan tidak secara langsung, maka fikiranku tidak mampu untuk menjangkau kepada artikel, kajian, penyelidikan dan nasihat, yang diambil oleh manusia secara langsung sebagai peringatan dan panduan. Namun apa yang aku maksudkan adalah syair dan kisah seperti pementasan. Di dalam seni ini ini, lebih baik bagi penulis untuk mengarangnya terlebih dahulu dan menghindari dari menyampaikannya secara spontan, supaya matlamat penulis sampai melalui penyampaian adegan yang hidup dan puitis, yang penuh dengan perasaan dan idea, yang membuatkan manusia mengambalnya sebagai sesuatu yang bersesuaian dengan keadaan mereka yang pelbagai, hasil daripada cara kreatif penulis dalam membentangkan tentang keadaan manusia yang sebenar. Cara ini lebih berkesan berbanding menyampaikan sesuatu secara terus dan

untuk menghantar Muhammad dan abangnya Sayyid ke Kaherah untuk menuntut ilmu disana. Setelah itu, bermula kehidupan Muhammad Qutb sebagai seorang pelajar di sekolah sehingga berjaya menyambung pelajaran ke Universiti Al-Azhar dalam bidang bahasa Inggeris dan sasteranya dan memperoleh sijilnya pada tahun 1940. Kemudian beliau meneruskan pengajian di Maktab Perguruan dan mendapat diploma dalam bidang perguruan dan psikologi. Beliau mengakui bahawa abangnya Sayyid adalah seorang yang paling banyak memberi kesan kedalam hidupnya. Dialah yang mendidiknya, memberi panduan dan pengetahuan padanya. Muhammad menganggap abangnya sebagai ayah, abang, dan kawan yang rapat. Muhammad Qutb meninggal dunia pada lapan pagi, 4 April 2014, di Jeddah, Arab Saudi.

⁴ Muhammad Qutb, 1983, *Manhaj al-Fann al-Islamiy*, Darul al-Syuruk: Mesir, p6.

langsung yang boleh menghilangkan minat pembaca dan perkongsiaan mereka melalui watak-watak kisah dan pementasan. Secara jelasnya, syair, kisah dan pementasan yang menyampaikan mesej secara terus hanya mampu memberi kesan secara sementara sahaja kepada pembaca atau pendengar, sedangkan jika disampaikan mesej itu secara tidak langsung akan memberikan kesan yang mendalam dan kekal dalam jiwa yang mendengarnya.⁵(Wikipedia,10\4\2018)

Sastera Islam Mengikut Pandangan Muhammad Qutb

Muhammad Qutb mendefinisikan sastera Islam sebagai “ungkapan yang indah mengenai alam semesta dan kehidupan melalui persepsi (tasawwur) Islam terhadap alam, kehidupan dan manusia. Ia merupakan seni yang berhubungan rapat dengan keindahan (al-Jamal) dan kebenaran (al-Haq). Keindahan adalah hakikat sebenar alam ini, dan kebenaran adalah puncak kepada keindahan. Hasilnya bertemu keduanya dalam hakikat realiti kewujudan ini.

Muhammad Qutb berpendapat bahawa penghasilan sastera berlaku dalam tiga peringkat:

Pertama: Persediaan jiwa dengan perasaan dan pengalaman yang baru.

Kedua: Mendalami perasaan itu melalui hati dan jiwa yang mendalam, sehingga perasaan dan pengalaman itu bercampur bersama kelopak jiwa dan dan menzahirkan ciri-cirinya yang pelbagai.

Ketiga: Menyampaikan pengalaman dan perasaan itu melalui ungkapan dan penyampaian.⁶(Qutb 1983, 6)

Ungkapan seni disisi Muhammad Qutb berkait rapat dengan simpanan perasaan dan jiwa yang tersimpan di dalam hati manusia, yang berusaha untuk mengungkapkannya dalam ungkapan yang indah. Muhammad Qutb menjelaskan bahaya dan halangan yang pertama ketika mendalami sastera adalah adakah kaum arab mengambil faedah daripada al-Quran ataupun Islam dalam karya seni mereka. Beliau menjelaskan bahawa kaum arab pada tempoh awal pengenalan akidah yang baru tidak sesuai dikenalkan dan disampaikan kepada mereka dengan ungkapan yang berwahyu. Ini kerana akidah yang baru pada realitinya melahirkan jiwa yang baru, akidah ini mencuci jiwa daripada segala unsur jahiliah kemudian memenuhkannya dengan gambaran, fahaman dan perasaan yang baru. Oleh itu, tidak ada pada kaum arab ketika mula menerima Islam ungkapan seni yang selari dengan seni yang sebenar-benarnya.

Muhammad Qutb juga menyatakan pendapatnya bahawa Islam sahaja tidak mampu untuk mencipta seni Islam, walaupun seorang Muslim yang beriman itu dikurniakan kemampuan dan kebolehan dalam menyampaikan ungkapan atau mampu melahirkan idea Islam terhadap hakikat Allah, alam, kehidupan dan manusia, namun hasil karyanya masih tidak dianggap seni. Seni pada pandangan Muhammad Qutb bukanlah semata-mata idea atau falsafah atau kefahaman, tetapi seni adalah emosi perasaan yang diterima, yang bergelojak di dalam jiwa penulis, yang menjadi beban kepada jiwa penulis itu. Semua itu akan menjadi luahan penulis hasil daripada pengalamannya dengan emosi dan perasaan itu. Seni pada pandangan Muhammad Qutb adalah pandangan terhadap realiti berpandukan emosi dan perasaan jiwa terhadap sesuatu perkara, atau watak atau peristiwa. Dan seni juga mentafsirkan realiti dengan tafsiran mengikut perasaan seolah-olah ia mampu untuk melihat apa yang bakal berlaku dan apa yang telah berlaku dahulu.

⁵ Wikipedia, / <https://ar.wikipedia.org/wiki/>: dilayari 10\4\2018.

⁶ Muhammad Qutb, 1983, *passim*, p6.

Seni Islam disisi Muhammad Qutb mestilah dihasilkan oleh sasterawan Muslim, iaitu insan yang menyesuaikan dirinya dengan penyesuaian yang khusus yang membeberikannya perasaan yang unik melalui alam, kehidupan realiti. Dan insan ini diberikan kemampuan dalam mengungkapkan ungkapan yang indah. Insan ini pada masa yang sama menjalani kehidupan mengikut tasawwur Islam yang benar, merasainya dan menyampaikan apa yang dialaminya dalam gambaran yang indah penuh ilham.⁷ (Qutb 1983, 181-182)

Adapun sasterawan yang bukan Islam, mereka tidak terkeluar daripada lingkungan ini, namun karya mereka diterima dan dipilih sekiranya memenuhi konsep tasawwur Islam walau sedikit, kerana “karya mereka memenuhi tasawwur Islam walaupun sedikit, maka karya mereka boleh diterima dan sesuai dengan manhaj Islam terhadap seni.”⁸ (Qutb 1983, 182)

Jadi, apakah pendirian seni Islam dalam karya yang lahir daripada bukan muslim yang tidak selari dengan manhaj seni Islam? Muhammad Qutb memandang bahawa kita tidak sepatutnya menolak semua hasil karya ini, dan kita tidak boleh berseronok dalam pembacaan dan pembelajaran terhadapnya, sekalipun pada karya itu mempunyai keindahan. Oleh itu, beliau berpandangan bahawa karya-karya ini sekalipun dicetuskan oleh bukan Muslim, masih tetap terhasil daripada kaedah yang bawah dan kecil daripada kaedah yang digunakan dalam seni Islam. Maka, Muhammad Qutb tetap meraikannya sebagai karya seni yang mempunyai keindahan.

Seni pada pandangan Muhammad Qutb terbahagi pada seni kecil dan seni besar. Seni kecil adalah seni yang tidak terkandung padanya gambaran yang khusus terhadap alam dan kehidupan. Iaitu seni yang hanya terkandung sedikit daripada tasawwur Islam yang benar. Begitu juga seni yang ‘natural’ yang tidak mengandungi sebarang ciri-ciri manhaj Islam, dan tidak ada padanya ciri-ciri yang menolak dan bertentangan dengan manhaj Islam.

Adapun seni yang besar adalah seni yang mengandungi gambaran yang tertentu pada alam, kehidupan dan manusia, dan ikatan diantara ketiga-tiganya sesama sendiri, dan ikatannya dengan Allah swt. Oleh itu, seni terbatas dengan manhaj seni Islam, samada berhubung dengannya secara penuh atau separuh, ataupun terus bercanggah dengannya.

Al-Quran adalah sumber asas dalam sastera Islam. Al-Quran membentangkan gambaran yang sempurna mengenai alam, kehidupan dan manusia kepada kita. Dan didalamnya turut terkandung matlamat dan tujuan seni. Maka al-Quran merupakan sumber yang sempurna pada semua manhaj seni yang mengungkapkan tentang kehidupan, berlandaskan ajaran Islam dan ilham dari alam.

Bidang-Bidang Seni Islam Mengikut Pandangan Muhammad Qutb

Muhammad Qutb berpendapat bahawa daripada kemestiaan bagi seni Islam untuk membicarakan tentang Islam, hakikatnya, akidahnya, penganutnya dan peristiwa-peristiwa Islam. Seni Islam membicarakan segala bidang ini dengan pandangan Islam dan menyampaikannya dengan perasaan Islam.

⁷ Ibid, p181-182.

⁸ Ibid.

Bidang-bidang Islam adalah semua aspek kewujudan yang dilakarkan melalui jiwa yang beriman. Ketikamana membicarakan tentang alam dan tabiatnya, penulis Islam akan melihatnya sebagai ciptaan yang hidup dan berperasaan, yang mempunyai ruh yang sentiasa bertasbih dan memohon keampunan, sekalipun sesuatu itu kaku ataupun mati. Begitu juga jika penulis Islam berbicara mengenai kehidupan seperti haiwan, burung dan tumbuhan, maka penulis ini akan mengungkapkannya dengan penuh perasaan kasih sayang, kecintaan dan ikatan yang menguatkannya dengan kehidupan itu. Ketika mana penulis Islam membentangkan tentang manusia, dia melihatnya dengan pandangan istimewa sebagai khalifah Allah di bumi ini, dan memandang manusia sebagai unsur yang positif dalam segala kewujudan ini.⁹(Qutb 1983, 121) Semua ini menjelaskan bagaimana seni Islam mengendalikan semua bidang-bidangnya.

Sifat Tasawwur (Persepsi) Islam Disisi Muhammad Qutb

Untuk memahami bidang seni Islam dan sifatnya, kita mestilah mengenali sifat tasawwur Islam terhadap alam, kehidupan dan manusia, serta ikatannya sesama sendiri. Tasawwur inilah yang melahirkan hasil karya seni daripada jiwa sasterawan.

Pertama: Hakikat Ketuhanan

Tunggak utama tasawwur Islam adalah hakikat ketuhanan yang terhasil daripada kuasa ketuhanan ke atas segala yang wujud, dan kewujudan ini seterusnya menelusuri jalannya mengikut apa yang telah ditetapkan padanya mengikut bentuk ciptaannya, menanggung segala apa yang dibebankan padanya, seterusnya kembali semula kepada hakikat ketuhanan yang menjadikan kewujudan ini. Allah swt hanya tuhan yang satu yang mempunyai kemampuan yang mutlak ke atas kewujudan ini. Tidak ada tempat untuk tuhan-tuhan yang lain yang direka oleh manusia melalui dongengan terhadap hakikat ketuhanan ini. Hakikat Allah adalah hakikat yang benar yang tidak ada penyelewengan sepertimana yang terjadi pada agama-agama lain. Hakikat ketuhanan ini adalah hakikat yang indah yang menggentarkan jiwa-jiwa manusia dan mendalami perasaannya. Manusia melalui hakikat ini terarah kepada Allah melalui bukti-buktinya kewujudan pada alam ini, dan juga terarah padanya melalui kekuasaannya dalam mentadbir segala sesuatu. Maka, kedudukan makhluk adalah sebagai hamba yang tetap kepada Allah sebagai pencipta, melalui kecintaan, ketaatan dan berserah padanya.¹⁰(Qutb 1983, 16)

Kedua: Alam

Alam adalah ciptaan yang lahir daripada kemahuan Allah swt. Alam pada tasawwur Islam adalah perkara yang indah, hidup, bergerak, dan mempunyai perasaan, sentiasa bersimpati dan kasih pada manusia.¹¹(Muhammad Qutb, 1983: 23) Alam yang dimaksudkan adalah langit dan bumi dan segala yang ada padanya. Allah swt menjadikan alam sebagai alat bantuan dan pertolongan kepada manusia, dan alam menyediakan segala apa yang diperlukan oleh manusia untuk hidup. Bukti semua ini terdapat di dalam al-Quran seperti firman Allah swt:

“...dan kami sediakan (sumber) penghidupan untukmu..”(Al-A’raf: 10)

“ dan kami telah menjadikan bumi ini gunung-gunung yang kukuh agar ia (tidak) goncang bersama mereka, dan kami jadikan (pula) di sana jalan-jalan yang luas, agar mereka mendapat petunjuk”(Al-Anbiya’: 31)

⁹ Ibid, p121.

¹⁰ Ibid, p16.

¹¹ Ibid, p23.

Maka alam ini secara benarnya adalah makhluk, tidak diciptakan secara main-main dan sia-sia. Kekuasaan Allah adalah jelas melalui ketelitiannya dalam mencipta dan menyusun atur ciptaannya. Yang menjadikan kita kagum dengan kebijaksanaan Allah dalam penciptaannya yang indah dan hebat ini. Alam inilah keindahan (al-Jamal), keindahan yang dimiliki oleh manusia untuk hidup didalamnya dan menggunakannya. Al-Quran melalui ayat-ayatnya memandu jiwa manusia kearah keindahan langit dan bumi dan seluruhnya, kerana memahami keindahan segala kewujudan adalah cara yang paling benar dan cepat dalam memahami pencipta alam ini. Keindahan alam ini tidak terpisah dengan gambaran Islam terhadap kewujudan,. Maka manusia dituntut untuk membuka dan menumpukan segala derianya dalam meneliti keindahan ini dan mendalaminya dengan dirinya, seterusnya menghasilkan sastera yang memenuhi tuntutan al-Jamal bertetapan dengan hakikat ketuhanan yang mencipta alam ini.

Ketiga: Kehidupan

Kehidupan adalah mukjizat Allah yang besar, yang indah gambarannya dan bentuknya. Al-Quran memandu hati manusia kearah kehidupan, dan mengikat ikatan yang kukuh diantara kehidupan manusia dan kewujudan yang lainnya. Kehidupan pada pandangan Muhammad Qutb adalah tumbuhan dan haiwan. Kehidupan pada tumbuhan meliputi segala jenis-jenisnya warna dan bentuk yang pelbagai, yang indah dan cantik kejadiannya, yang membuatkan jiwa tenggelam di dalam keindahannya. Keindahan pada tumbuhan mempunyai matlamat dalam memberi kenikmatan dan keperluan pada ruh, sebelum memenuhi keperluannya pada badan manusia. Begitu juga, haiwan dan binatang yang mempunyai faedah yang pelbagai kepada manusia yang diciptakan supaya manusia mensyukuri nikmat yang dikurniakan Allah. Faedah pada haiwan tidak sekadar pada manfaat yang zahir sahaja, namun turut ada padanya manfaat yang indah yang patut disongkar oleh manusia.

Maka, al-Jamal atau keindahan adalah unsur yang tulen dalam pembinaan alam dan kehidupan. Dan merupakan unsur yang perlu supaya manusia dapat menikmatinya, dan mensyukuri Allah melaluinya. Maka, al-Jamal pada alam dan kehidupan ini mempunyai makna yang jelas mengikut pandangan tasawwur Islam terhadap segala kewujudan.

Keempat: Manusia

Manusia merupakan khalifah Allah di bumi ini berdasarkan firmanNya: “Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat, ‘Aku hendak menjadikan khalifah di bumi’”(Al-Baqarah: 30). Manusia adalah makhluk yang mulia disisi Allah swt. Manusia pada tasawwur Islami disisi Muhammad Qutb lahir daripada dua unsur yang berlainan, yang terikat dan bercampur pada satu ciptaan yang sama iaitu: segenggam tanah dari bumi dan satu tiupan daripada ruh Allah. Segenggam tanah dari bumi bererti pada manusia terdapat unsur-unsur bumi seperti oksigen, karbon dan sebagainya, yang bermaksud diri manusia ini adalah jasad yang berinteraksi dengan sumber-sumber alam ini. Manakala satu tiupan roh Allah pula bererti penciptaan manusia daripada roh Allah yang suci dan kuat, pada diri manusia. maka roh dan jasad inilah yang membentuk seorang manusia.¹²(Qutb 1983, 33)

Hasil daripada percampuran kedua-dua ini mengikut kefahaman Islam adalah manusia dijadikan untuk memenuhi keperluannya hidupnya seperti haiwan tetapi dengan cara manusia. begitu juga manusia memenuhi keperluan rohaninya seperti malaikat tetapi mengikut cara

¹² Ibid, p33.

manusia, kerana manusia sifatnya makan dan minum seperti haiwan dan pada masa yang sama taat dan patuh kepada Allah swt mengikut tahap ketaatan manusia bukan tahap ketaatan malaikat.

Pandangan Tasawwur Islam Dalam Sastera Islam Mengikut Sayyid Qutb

Al-Waqiiyyah (Realisme)

Islam melakarkan gambaran kehidupan manusia melalui realiti kehidupan, yang saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Tetapi pandangan Islam terhadap realiti adalah berbeza dengan aliran-aliran realiti yang pelbagai pada seni. Realiti manusia pada pandangan Islam adalah realiti terbesar yang tidak terhad kepada realiti haiwan dan kejadian, dan juga tidak terhad pada realiti individu dan juga realiti sesuatu generasi.

Kelemahan dan kemunduran adalah ciri-ciri manusia secara semulajadi, tetapi kelemahan ini tidaklah meliputi semua keadaannya. Ini kerana Islam tidak menjadikan kelemahan dan kemunduran manusia sebagai bidang seni yang utama, kerana perkara ini akan mengkaburkan realiti sebenar dan merosakkan kesinambungan yang patut ada pada seni. Manusia tidak digalakkan untuk mengagungkan dan menyebut-nyebut kelemahan dan keaiban dirinya walaupun perkara itu adalah realiti yang harus berlaku. Tasawwur Islam adalah tasawwur yang berdiri diatas asas memuliakan manusia dan mengagungkannya dengan peranannya di alam ini.¹³(Qutb 1983, 129)

Begitu juga, pendirian Islam terhadap sesuatu generasi dan suasana adalah berbeza, kerana Islam tidak memandangnya sebagai realiti yang kekal, tetapi hanya satu peringkat daripada peringkat kehidupan manusia yang berubah. Seni Islam adalah seni yang berwahyu dan berilham yang kuat dalam membantu gerakan untuk maju dan berubah, bukan dengan nasihat yang terus, tetapi dengan menghidupkan apa yang ada pada kemampuan manusia dengan bantuan kewujudan yang diciptakan Allah swt.¹⁴(Qutb 1983, 130)

Perasaan Manusia

Perasaan manusia adalah sudut emosi dan hati yang secara langsung adalah isi kandungan sastera. Maka unsur memberi kesan adalah unsur yang penting dalam kesenian Islam. Cara yang paling berkesan dalam memberi kesan kepada manusia adalah dengan menggambarkan hati dan perasaan manusia dalam cara dan ungkapan yang indah dan hidup yang mampu memberi kesan kepada jiwa manusia. Bukanlah hanya bidang dan tajuk sastera yang menentukan jenis karya samada berseni ataupun tidak, tetapi yang menentukannya juga adalah cara mengendalikan tajuk itu. Jika penulis hanya mengendalikan dan mengolah tajuk itu semata-mata mengikut pengetahuan akal fikirannya, jadi ia tidak dianggap sebagai seni, walaupun tajuk yang diolahnya berkaitan dengan perasaan dan emosi, kerana penulis itu hanya membentangkannya mengikut akal fikirannya sahaja, bukan dengan jiwa yang penuh perasaan. Sebaliknya, sekalipun sesuatu tajuk itu kaku, akan tetap masuk dalam karya seni sekiranya penulis itu mampu untuk menghayati tajuk itu dengan hati dan jiwanya dahulu, kemudian menyampaikannya perasaannya dengan gambaran yang memberi kesan yang sampai kepada jiwa pembaca. Maka kesinambungan di anantara kehidupan manusia memerlukan jiwa dan perasaan yang mampu diungkapkan oleh seni, walau pada apa keadaan sekalipun.

¹³ Ibid, p129.

¹⁴ Ibid, p130.

Keindahan (Al-Jamal)

Keindahan adalah ciri yang paling jelas di dalam kewujudan ini. Terdapat deria didalam diri manusia yang mampu untuk meyedari keindahan dan merasainya serta memberi respon terhadapnya. Tetapi keindahan adalah sesuatu yang tidak mampu untuk dihitng dan dinilai, kerana keindahan dapat diperolehi secara jelas oleh minda tanpa perlu berfikir. Fikiran selalunya akan menilai keindahan, dan meletakkan syarat dan ukuran terhadap sesuatu kecantikan, namun penilaian padanya tidak berlaku secara hakikat. Ini kerana keindahan diungkap daripada perasaan dan deria, serta jiwa yang menerimanya dalam keadaan gembira dan bahagia. Dan minda yang jelas adalah asas penerimaan keindahan dan bukannya akal fikiran. Oleh itu, menjadi perkara yang susah untuk meletakkan kaedah yang tepat dalam keindahan, kerana ia bukan perkara yang disedari secara langsung, dan tidak ada ungkapan yang tepat dalam mengungkapkan keindahan ini.¹⁵(Qutb 1983, 85-86)

Takdir (Al-Qadr)

Takdir pada perasaan manusia adalah hakikat yang luar biasa, menakutkan dan meyeramkan. Ini kerana takdir mempunyai kaitan yang kuat dengan Tuhan yang mentadbir alam dan mengatur kehidupan iaitu Allah swt. Takdir juga berhubung pada waktu yang sama dengan perkara yang ghaib yang tidak diketahui oleh manusia dan tidak dapat dilihat dengan penglihatan. Hakikat takdir adalah sangat hebat pada pandangan manusia. Seni sejak dari zaman dahulu banyak menghuraikan tentang takdir melalui syair, kisah dan pementasan. Sastera yunani secara khususnya mengutamakan perbicaraan tentang takdir pada karya seninya.

Adapun Islam memandang takdir dari sudut yang berbeza. Pada setiap kejadian aka nada hikmah disebaliknya. Maka tugas manusia adalah mengkaji dan menerima serta meneliti setiap apa yang berlaku, dan menerimanya dengan penuh keredhaan. Setiap apa yang berlaku pada pandangan Islam mempunyai tujuan yang tetap daripada Allah swt. Hikmah yang tersembunyi ini adalah benar dan tidak ada kebatilan padanya dan kezaliman. Ilmu pengetahuan manusia yang lemah tidak mampu untuk mengungkap dan mendedahkan hikmah ini, kerana disebalik perkara yang nampak zalim pada waktu ini, akan terungkap padanya keadilan dan kebaikan. Sesungguhnya Allah telah mengatur segala sesuatu sesuai pada tempatnya. Dan inilah yang membezakan Islam dengan agama-agama berhala yang lain.

Kebenaran Akidah

Akidah adalah hakikat yang mendalam dalam hakikat kewujudan, dan setiap yang wujud terarah hanya pada Allah. Akidah bukanlah hakikat kerohanian semata-mata, namun ia juga adalah hakikat ilmiah. Setiap apa yang berlaku didalam alam ini adalah selari dengan kanun yang diciptakan Allah, kecuali manusia yang dimuliakan Allah, dan dikurniakan akal fikiran dan kefahaman, maka Allah memberikan kepada manusia kebebasan dalam memilih setelah memberi kefahaman padanya.


Ketika mana akidah terakar dalam jiwa manusia, akidah ini akan berhubung dengan manusia dan hakikat ketuhanan dengan perasaan yang pelbagai, daripada kecintaan, ketakutan, berhajat, dan berharap. Dan perasaan yang penuh akidah ini sampai hubungannya dengan manusia dan alam, dan antara manusia dan manusia yang lain. Semua perasaan ini adalah sesuai dengan seni, kerana perasaan ini mampu berbicara dengan manusia pada setiap keadaan dan suasana

¹⁵ Ibid, p85-86.

disebabkan ia lahir dari jiwa yang mendalam dengan akidah kepada Allah. Ungkapan dan mesej yang disampaikan tidak semestinya ungkapan yang langsung mengenai akidah, tetapi yang penting adalah menggunakan akidah dalam menggambarkan kehidupan dan kepentingannya dalam kehidupan manusia.

Gambar Rajah Manhaj Seni Islam Mengikut Pandangan Muhammad Qutb:





Kesimpulan dan Penutup

Manhaj seni Islam pada pandangan Muhammad Qutb adalah tertumpu pada perluasan sastera. Beliau merungkai segala kekangan yang ada pada sastera daripada kekangan akhlak dan juga kekangan yang menjadikan seni Islam hanya nasihat dan seruan kebaikan. Setiap fahaman yang sempit pada seni telah diselesaikan oleh Muhammad Qutb dengan sempurna mengikut kaedah manhaj seni Islamnya. Beliau menyatakan bahawa agama bertemu dengan seni, dan setiap yang bersangkutan dengan agama boleh dijadikan seni yang indah yang memberi kesan pada jiwa manusia. Ciri-ciri tasawwur Islam mengikut Muhammad Qutb adalah bersangkutan dengan seni. Hakikat ketuhanan adalah asas kesenian yang utama, dan ketaatan padanya adalah kemestian bagi setiap manusia. Hakikat ketuhanan membentuk jiwa penulis dengan kehambaan. Begitu juga alam yang bersifat indah yang menguatkan lagi ketuhanan yang satu. Kemegahan langit dan bumi membantu penulis untuk mengungkap keindahannya. Seterusnya kehidupan yang bersumberkan haiwan dan tumbuhan adalah alat bantuan yang disediakan oleh Allah kepada manusia. dan manusia adalah hakikat yang sebenar-benarnya dalam seni, kerana manusia dikurniakan Allah kemampuan dalam memajukan bumi ini.

Jesteru itu, manhaj seni Islam disisi Muhammad Qutb adalah manhaj yang mengikut gambran yang khas berpandukan Islam. Manhaj ini bersifat realistik, membantu dalam membentuk seni Islam yang unggul. Begitu juga sifatnya yang benar dalam mengungkapkan perasaan manusia dan kesannya ungkapan itu terhadap jiwa manusia menjadikan seni yang diterima luas oleh jiwa-jiwa manusia. Pandangan Islam secara positif terhadap takdir, memberikan impak positif pada pemikiran manusia. Adapun keindahan merupakan perkara yang unggul dalam seni, yang membolehkan penulis berinteraksi dengan keindahan dalam segala karyanya. Sumber akidah yang asli adalah akidah kepada Allah merupakan manhaj yang unggul dalam seni Islam, kerana akidah ini menjauhkan manusia daripada segala penyelewengan dan percanggahan pada ajaran agama yang benar. Maka ini menjadikan pandangan penulis terhadap seni Islam pandangan yang luas dan sempurna dan seimbang sesuai dengan tuntutan al-Jamal dan al-Haq pada seni Islam.

Bibliografi

Al-Quran Al-Karim

Muhammad Qutb, 1983, Manhaj al-Fann al-Islamiy, Darul al-Syuruk: Mesir.

Sumber internet: محمد قطب #في رحاب الأدب / <https://ar.wikipedia.org/wiki/>: dilayari 10\4\2018.